

NAMA : _____

KELAS: _____



UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

Tahun 5 Sesi 2024/2025

Bahasa Melayu (011)

1 jam 15 minit

ARAHAN:

1. *Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.*
2. *Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.*
4. *Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-10	10	
B	1	5	
	2	5	
C	1	10	
D	1	20	
Jumlah		50	

Bahagian A

[10 markah]

Soalan 1 hingga 3

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Pokok bunga mawar yang ditanam oleh Puan Hani itu _____ kerana tidak disiram beberapa hari.
A lesu
B layu
C lemah
D longlai

- 2 Pak Cik Tam menggunakan _____ untuk membuat batas.
A gunting
B cangkul
C penukul
D penyapu

- 3 *Pilih ayat yang betul.*
A Kishan mengutamakan keselamatan lalu kebersihan.
B Jauhi tempat kebakaran dengan segera tetapi keselamatan diri.
C Kita boleh membuat panggilan kecemasan jika berlaku kemalangan.
D Siva bangga agar berjaya menjadi pemain bola sepak terbaik di sekolahnya.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kuih limas merupakan kuih tradisional negeri Perak yang sangat popular dalam kalangan masyarakat Melayu. Kuih limas ini seakan-akan kuih tepung pelita, kuih sampan, dan kuih tako. Perbezaannya adalah dari segi penggunaan tepung. Kuih limas diperbuat daripada tepung gandum sahaja. Kuih ini juga menggunakan santan dan gula.

Kuih limas mempunyai struktur yang lembut dan rasanya yang lemak manis menjadikan kuih ini sangat enak dan sesuai sebagai hidangan minum petang. Kebiasaannya kuih limas ini menggunakan kelongsong daripada daun pisang sebagai acuanya. Acuan daripada daun pisang ini pula mampu menambah aroma wangi kuih limas tersebut.

- 4 Apakah nama kuih tradisional yang sangat digemari oleh masyarakat Melayu?
- A Kuih tako.
 - B Kuih limas.
 - C Kuih sampan.
 - D Kuih tepung pelita.
- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Kuih tepung pelita sangat digemari oleh masyarakat Malaysia.
 - B Kuih limas menggunakan tepung gandum sebagai bahan utamanya.
 - C Kuih sampan dibungkus dengan daun pandan menjadi sangat wangi.
 - D Kuih tako, kuih sampan, kuih limas, kuih tepung pelita berasal dari negeri Perak.
- 6 Berikut ialah aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh datuk sekeluarga berdasarkan petikan, *kecuali*
- A menggunakan acuan daun pisang.
 - B strukturnya lembut dan rasanya lemak manis.
 - C kuih ini menggunakan tepung, santan dan gula.
 - D acuan plastik digunakan sebagai kelongsong kuih tersebut.

Soalan 7 hingga 10


Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Aiman dan keluarganya melawat ke pusat kraf tangan di Bandar Hilir, Melaka. Aiman tertarik melihat tabung yang diperbuat daripada buluh. Dia ingin membuatnya sendiri. Aiman mencari pokok buluh di kebun kelapa sawit neneknya dengan bantuan bapanya.

Bapa Aiman menebang dan memotong buluh menggunakan gergaji. Selepas itu, Aiman menebuk lubang pada buluh itu supaya wang boleh dimasukkan ke dalam tabung tersebut. Aiman teringat akan pesanan gurunya supaya menyimpan lebihan wang saku. Dia juga dapat *berjimat cermat* dalam perbelanjaan seharian. Adam berharap agar dia dapat membantu meringankan beban yang dinggung oleh ibu bapanya.

BAHAN 2



7 Tujuan Aiman menggunakan buluh adalah untuk membuat

- A joran.
- B pagar.
- C tabung.
- D leman.

8 Bapa Aiman membelah dan memotong buluh menggunakan pakuji.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A biji.
- B buah.
- C bilah.
- D bidang.

9 Perkataan *berjimat cermat* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- A berpada-pada.
- B beringat-ingat.
- C bersusun-susun.
- D berlambat-lambat.

10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Bapa Aiman mencari pokok buluh di kebun kelapa sawit.
- B Amalan membeli barang boleh menjimatkan wang belanja.
- C Aiman menabung wang dengan menggunakan tabung buluh.
- D Kita tidak perlu merancang perbelanjaan dan menabung wang.

Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Mia dan Azra menemui ibu mereka, Puan Husna ke pasar tani. Setibanya di sana, mereka terus menuju ke bahagian sayur-sayuran. Pada masa yang sama, kelihatan beberapa orang pelanggan sedang beratur untuk menimbang barang-barang yang dibeli oleh mereka.

Azra membantu ibunya memilih sayur kangkung dan bayam manakala Mia pula memilih tomato dan cabai besar. Ibu mereka telah berpesan agar memilih sayur yang segar sebelum ditimbang. Mia dan Azra sentiasa mengingati pesanan ibu mereka terutamanya ketika mahu membeli sesuatu barang.

(a) Puan Husna dan anak-anaknya pergi ke pasar tani untuk membeli _____.

[1 markah]

(b) Apakah yang dilakukan oleh anak-anak Puan Husna di pasar tani itu?

[2 markah]

(c) Bulatkan **satu kata kerja** yang terdapat dalam ayat yang diberi.

Kelihatan beberapa orang pelanggan sedang beratur untuk menimbang barang-barang yang dibeli oleh mereka.
--

[1 markah]

(d) Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.

Ibu mereka telah berpesan agar memilih sayur yang segar sebelum ditimbang.

“Pilihlah sayur yang segar sebelum ditimbang,” nasihat ibu dan anak-anaknya.	
“Pilihlah sayur yang segar sebelum ditimbang,” pesan ibu kepada anak-anaknya.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Sani sedang menonton rancangan hiburan kegemarannya melalui televisyen. Tiba-tiba, berlaku kejadian rebut petir. Di langit, kilat sabung-menyambung dan petir berdentam-dentum.

Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh Sani?

[5 markah]

Bahagian C


[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan teknologi Internet.

*Tuliskan pendapat kamu tentang **kebaikan Internet kepada murid-murid.***

*Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu** perenggan.*

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan.***




Bahagian D

[20 markah]

*Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat **atau** tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80** patah perkataan.*

LATIHAN KEBAKARAN



1 Tuliskan cerita berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2 Tuliskan catatan berdasarkan gambar di atas.

[illegible]

[illegible]

KERTAS UJIAN TAMAT